

KEUTAMAAN NABI ADAM DAN ZURIATNYA SEBAGAI KHALIFAH : AL-BAQARAH (2: 30-33)*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Abstrak

Terdapat salah faham para malaikat tentang penciptaan Adam AS sebagai khalifah di bumi. Namun Allah SWT membuktikan bahawa Nabi Adam adalah terbaik untuk tujuan menjadi khalifah tersebut. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mencari tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 39-33) daripada kitab tafsiran yang bersifat turath Islami. Hasil dapatan menunjukkan beberapa perkara penting dibincangkan, iaitu konsep bumi tempat pengganti khalifah, maksud khalifah dan mengapa malaikat bertanya tentang keperluan penciptaan khalifah tersebut, sifat dan tugas malaikat, pengetahuan Allah SWT dalam hal yang akan berlaku kepada makhluknya, dan konsep khalifah Islam dan hukumnya.

Kata kunci: *Khalifah, Adam AS, Malaikat, Bumi, Khilafah Islam.*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ
فِيهَا مَنْ يَفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ

* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 04b. Oktober 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

لَكَ ^ط قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ
 عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ
 صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ
 الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾ قَالَ يَا أَدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ
 أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا
 كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

Maksud: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji dan mensucikan-Mu?” Tuhan berfirman, “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.” (30). Dan Ia mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman, “Terangkanlah kepada-Ku nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.” (31). Malaikat itu menjawab, “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (32). Allah SWT berfirman, “Wahai Adam! Terangkanlah nama benda ini semua kepada mereka.” Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda itu kepada mereka, Allah SWT berfirman,

“Bukankah Aku katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?.” (33).

(Surah *al-Baqarah*, 2: 30-33)

PENGENALAN


Setelah Allah SWT menceritakan tentang hakikat penciptaan manusia dan alam sejagat dalam dua ayat yang lalu (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018a), Allah SWT mula menfokuskan kepada tujuan penciptaan Adam AS dan zuriatnya yang dijanjikan untuk menjadi khalifah di bumi (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018b). Menurut Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 6) bahawa ayat ini Surah *al-Baqarah*, (2: 31-33) adalah sebahagian daripada kisah perintah Allah SWT untuk para malaikat dan Iblis selepas penciptaan Baginda Adam AS agar mereka bersujud kepada-Nya sebagai tanda penghormatan terhadap ciptaan terbaik Allah SWT dalam kalangan makhluk yang dicipta-Nya. Ayat ini didahulukan daripada perintah sujud kerana kepentingan pengajaran Allah SWT kepada Baginda Adam AS berbanding perintah sujud. Sebagai ingatan segala terjemahan al-Quran dalam artikel ini adalah daripada terjemahan (Basmeih, 1999).

TAFSIRAN AYAT

Empat ayat daripada surah *al-Baqarah* (2: 30-33) akan dibahagikan kepada empat pecahan tafsiran mengikut ayat, iaitu *al-Baqarah* (2: 30), *al-Baqarah* (2: 31), *al-Baqarah* (2: 32), dan *al-Baqarah* (2: 33).

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 30)

Allah SWT menceritakan perihal anugerah-Nya kepada Bani Adam, iaitu sebagai makhluk yang mulia; mereka disebutkan dalam kalangan makhluk yang tertinggi, iaitu para malaikat sebelum mereka diciptakan. Untuk itu, Allah SWT (Surah *al-Baqarah*, 2: 30) berfirman:


 وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا
 أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ
 بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksud: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji dan mensucikan-Mu?” Tuhan berfirman, “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.” (30)

Ayat ini menurut tafsiran Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 6) ditafsirkan dan takwil seperti berikut, iaitu, “(وَإِذْ قَالَ) ketika berfirman, (رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ) Tuhanmu kepada para malaikat yang berada ada di bumi, (إِنِّي جَاعِلٌ) aku ingin mencipta satu makhluk yang aku jadikan, (فِي الْأَرْضِ) di muka bumi, (خَلِيفَةً) pengganti kamu, (قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا) para malaikat berkata, “Adakah engkau ingin mencipta di dunia, (مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا) seseorang yang melakukan kerosakan dengan maksiat (وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ) dan menumpahkan darah dengan zalim, (وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ) padahal kami selalu melaksanakan solat atas perintah-Mu, (وَنُقَدِّسُ لَكَ) menyebut namu-Mu dengan hati yang suci.” (قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ) Tuhan berfirman, “Sesungguhnya Aku mengetahui hal yang akan dialami oleh khalifah tersebut, dan (مَا لَا تَعْلَمُونَ) apa yang tidak kamu ketahui.”

Tafsiran lanjut ayat ini secara mendalam apa yang dibincangkan oleh para ulama tafsir seperti (Ibn al-Kathir, 1999; Ibn Jarir, 2001).

Bahagian pengenalan ayat *al-Baqarah* (2: 30) ialah menerangkan gambaran firman Allah SWT dengan para malaikat dengan firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ

Maksud: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat.*

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/216) menjelaskan bahawa makna ayat ini ialah dengan takwil “*Hai Muhammad! Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, dan ceritakanlah hal ini kepada umatmu.*”

Tafsiran mendalam ayat *al-Baqarah* (2: 30) dibahagikan kepada beberapa pecahan tafsiran, iaitu tafsiran di Bumi tempat khalifah ditempatkan, tafsiran khalifah dan persoalan para malaikat, tafsiran malaikat, ciri, dan pekerjaan mereka, pengetahuan Allah SWT tentang manusia, serta Khalifah Islam dan hukum berkaitan dengan khalifah.

Konsep Tempat Khalifah di Bumi

Konsep bumi dibincangkan datang daripada dalam firman Allah SWT:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksud: *“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”*

Konsep ‘*fil ardi*’ (في الأرض) membawa maksud bumi secara umum (Ibn al-Kathir, 1999: 1/216) dan boleh dimaksudkan sebagai bumi Mekah sebagaimana maksud hadis berikut (Al-Hasan al-Basri, t.th.: 1/19):

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَابِطٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "دَحِيتِ الْأَرْضُ مِنْ مَكَّةَ، وَأَوَّلُ مَنْ طَافَ بِالْبَيْتِ الْمَلَأَيْكَةَ، فَقَالَ اللَّهُ: إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً، يَغْنِي مَكَّةَ."


Maksud: *Abd al-Rahman ibn Sabit menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Bumi dihamparkan mulai dari Mekah, dan yang mula melakukan tawaf di Baitullah ialah para malaikat, lalu Allah SWT berfirman, "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi," iaitu Mekah.*

(*Al-Hasan al-Basri*)

Hadis ini memberi maksud bumi ialah Mekah. Namun, zahir ayat menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/216) dimaksudkan dengan bumi yang lebih umum daripada hal itu Mekah itu.

Khalifah dan Persoalan Malaikat


Tafsiran khalifah dan persoalan para malaikat ada menfokuskan kepada firman Allah SWT ini:


 وَإِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ^ص قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا
 وَيَسْفِكُ ^ص الدِّمَاءَ

Maksud: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan)."



Khalifah dalam konsep yang umum yang semakna dengannya membawa maksud bahawa suatu kaum yang menggantikan kaum yang lain secara silih berganti, abad demi abad, dan generasi demi generasi. Kenyataan ini sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1/449) juga mengatakan, “sesungguhnya makna khilafah yang disebut oleh Allah SWT tiada lain khilafah satu generasi dari mereka atas generasi yang lainnya. mengatakan bahawa al-khalifah (الْخَلِيفَةُ) daripada wazan al-fi'liyyah (الْفِعْلِيَّة) diambil dari perkataan *khalafa fulan fulanan fi hadha al-amri* (كَلَّفَ فُلَانٌ فُلَانًا فِي هَذَا الْأَمْرِ), iaitu dikatakan demikian apabila Fulan pertama menggantikan Fulan yang kedua dalam urusan tersebut. Pengertiannya sama dengan makna yang terkandung dalam firman-Nya:



Maksud: *Kemudian Kami jadikan kamu pengganti (mereka) di muka bumi sesudah mereka, supaya Kami memperhatikan bagaimana kamu berbuat.*

(Surah Yunus, 10: 14)

Termasuk ke dalam pengertian ini dikatakan kepada sultan yang terbesar sebagai khalifah, kerana dia berkedudukan menggantikan sultan yang sebelumnya dalam menjabat urusannya, maka dikatakanlah dia sebagai penggantinya. Imam Ibn Jarir (2001: 1/449) menambah bahawa khalifah dalam ayat ini membawa maksud penghuni dan pembangunnya. Dengan kata lain, yang akan membangun bumi dan menghuninya ialah makhluk selain malaikat. Kenyataan al-Tabari di sokong oleh Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/216) bahawa khalifah sebagai pengganti sebagaimana pengertian yang terkandung dalam berapa firman-Nya:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ

Maksud: *Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi*

(Surah *al-An'am*, 6:165)

Ayat ini membawa maksud satu kaum yang menjadi khalifah di bumi. Maksud khalifah yang menjadi pengganti dalam mentadbir dan mengurus juga terdapat dalam firman-Nya:

وَلَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَا مِنْكُمْ مَلَائِكَةً فِي الْأَرْضِ يَخْلُفُونَ ﴿٦٠﴾

Maksud: *Dan kalaulah kami kehendaki, kami berkuasa melahirkan daripada kamu (wahai kaum lelaki): malaikat menggantikan kamu (menjalankan urusan) di muka bumi. (60)*

(Surah *al-Zukhruf*, 43: 60)

Manakala khalifah tersebut digambarkan sebagai pengganti satu kaum terdapat dalam ayat yang lain melalui firman Allah SWT:

وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ ق

Maksud: *Serta menjadikan kamu pengganti (umat yang lalu) mendiami dan menguasai bumi?*

(Surah *al-Naml*, 27: 62)

Termasuk juga firman-Nya yang menggambarkan khalifah sebagai pengganti satu kaum kepada satu kaum yang lain:

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ

Maksud: *Maka datanglah sesudah mereka generasi lain.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 169)

Imam Ibn Jarir (2001: 1/479) dan Ibn al-Kathir (1999: 1/218) dengan memetik kata-kata Ibn 'Abbas dan Ibn Mas'ud, menyatakan bahawa takwil ayat ini secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Sesungguhnya Aku hendak menjadikan di bumi seorang khalifah dari-Ku yang berkedudukan menggantikan diri-Ku dalam memutuskan hukum secara adil dalam kalangan makhluk-Ku. Sesungguhnya khalifah itu ialah Adam dan orang yang menempati kedudukannya dalam ketaatan kepada Allah SWT dan memutuskan hukum dengan adil dalam kalangan makhluk-Nya. Mereka yang suka menimbulkan kerosakan dan mengalirkan darah tanpa alasan yang dibenarkan, hal itu bukan berasal dari khalifah-Nya.

Terdapat juga kenyataan bahawa mengapa para malaikat bertanya kepada Allah SWT seperti dalam ayat adalah kerana pengalaman mereka bersama dengan makhluk Jin yang pernah menginap di bumi. Pertanyaan mereka kerana kebimbangan mereka bahawa orang yang menggantikan makhluk tersebut mempunyai sifat yang sama sebagaimana athar berikut (Al-Hakim, 2001: 3035; Al-Bayhaqi, 2003: 142):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، قَالَ: "قَدْ كَانَ فِيهَا قَبْلَ أَنْ يُخْلَقَ بِالْفِي
عَامِ الْجِنِّ بَنُو الْجَانِّ، فَأَفْسَدُوا فِي الْأَرْضِ، وَسَفَكُوا الدَّمَاءَ، فَلَمَّا

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً، قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ﴾ يَعْنُونَ الْجِنَّ بَنِي الْجَانِّ، فَلَمَّا أَفْسَدُوا فِي الْأَرْضِ بَعَثَ عَلَيْهِمْ جُنُودًا مِنَ الْمَلَائِكَةِ، فَضَرَبُوهُمْ حَتَّى أَحْقُوهُمْ بِجَزَائِرِ الْبُحُورِ. قَالَ: فَقَالَتِ الْمَلَائِكَةُ: ﴿أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا﴾ كَمَا فَعَلَ أَوْلِيكَ الْجِنُّ بَنُو الْجَانِّ؟ قَالَ: فَقَالَ اللَّهُ: ﴿إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾.

Maksud: *Ibn Abbas berkata, "Pada mulanya al-Jinn Bani al-Jan ialah penghuni bumi sebelum Adam diciptakan dalam tempoh masa dua ribu tahun. Lalu jin menimbulkan kerosakan di bumi dan menumpahkan darah. Ketika Allah SWT berfirman, "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan)." Malaikat maksudkan dalam pertanyaan ini sebagai Jin Bani al-Jann, iaitu sewaktu mereka membuat kerosakan di bumi, Allah SWT mengirinkan bala tentara dalam kalangan para malaikat. Lalu para malaikat memerangi mereka hingga mengejar mereka sampai ke pulau di pelbagai lautan. Ibn 'Abbas berkata, "Oleh kerana itu, para malaikat bertanya, "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi ini sebagaimana yang dilakukan oleh al-Jinn Bani al-Jann ini? Lalu Allah SWT berfirman menjawab mereka, "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."*

(*Al-Hakim dan al-Bayhaqi*)

Hadis ini didokong dengan kenyataan Imam Ibn Abi Hatim (1998: 322) yang memetik kata-kata daripada Abu al-'Aliyah bahawa Allah SWT


menciptakan malaikat pada hari Rabu, menciptakan jin pada hari Khamis, dan menciptakan Adam pada hari Jumaat. Ternyata suatu kaum dari makhluk jin itu kafir, lalu para malaikat turun ke bumi memerangi mereka kerana mereka membawa kerosakan di muka bumi.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/216) bahawa pertanyaan para malaikat menunjukkan bahawa Nabi Adam AS pada saat itu masih belum wujud di alam kewujudan. Hal ini kerana jikalau sudah ada, bererti ucapan para malaikat yang dipetik oleh firman Allah SWT dinilai kurang sesuai. Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/217) menambah bahawa antara jenis makhluk ini ada orang yang melakukan hal tersebut, seakan-akan mereka mengetahui hal tersebut melalui ilmu yang khusus, atau melalui apa yang mereka fahami dari watak manusia. Hal ini kerana Allah SWT memberitahukan kepada mereka bahawa Dia akan menciptakan jenis makhluk ini dari tanah liat kering yang berasal dari lumpur hitam. Atau mereka berpemahaman bahawa yang dimaksud dengan khalifah ialah orang yang melakukan persengketaan antara manusia, iaitu memutuskan hukum terhadap apa yang terjadi dalam kalangan mereka berhubung dengan penganiayaan dan melarang mereka melakukan perbuatan yang diharamkan serta dosa.

Selain itu, pertanyaan para malaikat ini bukan dimaksudkan menentang atau memprotes Allah SWT. Selain bukan pula kerana dorongan dengki terhadap manusia. Hal ini hanya bertujuan bahawa Allah SWT hanya ini menggambarkan sifat para malaikat yang tidak pernah mendahului firman Allah SWT, iaitu mereka tidak pernah menanyakan sesuatu kepada-Nya yang tidak diizinkan bagi mereka untuk dikemukakan.

Malaikat serta Sifat dan Pekerjaan Mereka

Ayat *al-Baqarah* (2: 30) juga menggambarkan tentang sifat para malaikat dan pekerjaan mereka sebagai mana firman Allah SWT:


 وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ^ص

Maksud: *Padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji dan menyucikan-Mu?." (Surah al-Baqarah, 2: 30)*



Sifat malaikat dalam ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/220) dengan memetik daripada beberapa ahli tafsir yang menyebut bahawa tasbih dan takdis sebagai melakukan solat; mengagungkan dan membersarkan engkau; menyucikanmu; tidak pernah melakukan maksiat terhadap-Mu dan kami tidak pernah melakukan sesuatu yang tidak disukai oleh-Mu." Sifat malaikat dalam ayat ini yang sentiasa berzikir ada digambarkan dalam sebuah hadis sahih Muslim (t.th.: 2731) disebutkan dari Sayidina Abu Dhar RA bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya mengenai zikir yang paling afdal. Maka Baginda SAW menjawab:

مَا أَصْطَفَى اللَّهُ لِمَلَائِكَتِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ.

Maksud: *Zikir yang dipilih oleh Allah SWT buat malaikat-Nya, iaitu:*

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

Erti: Maha Suci Allah SWT dengan segala kepujian-Nya.

(Muslim)

Sifat malaikat yang sentiasa berzikir tersebut juga tergambar dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bayhaqi (2009: 24) dan Imam Al-Tabrani (1995: 3742) meriwayatkan dari Abd al-Rahman ibn Qurt, bahawa Rasulullah SAW pada malam Baginda diisrakkan oleh Allah SWT, Baginda SAW mendengar suara tasbih di langit yang tertinggi mengatakan:

سُبْحَانَ الْعَلِيِّ الْأَعْلَى سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Maksud: *Maha Suci Tuhan Yang Maha Tinggi atas segalanya, Maha Suci Dia dan Maha Tinggi).*

(Al-Bayhaqi dan al-Tarbani)

Ringkasnya, malaikat dijadikan oleh Allah SWT dengan kebanyakan mereka sentiasa dalam solat, bertasbih, dan berzikir kepada Allah SWT. Selain itu, terdapat juga pekerjaan malaikat yang ditentukan tugasannya oleh Allah SWT dalam menguruskan alam dan manusia.

Pengetahuan Allah SWT tentang Sifat Manusia

Pengetahuan Allah SWT terhadap apa yang dilakukan oleh manusia dijelaskan dalam firman-Nya:



Maksud: *Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.*



Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/216) juga menyatakan bahawa seakan-akan Allah SWT berfirman dengan maksud:

Sesungguhnya Aku mengetahui hal yang tidak kamu ketahui menyangkut kemaslahatan yang jauh lebih kuat dalam penciptaan jenis makhluk ini daripada kerosakan yang kamu sebut itu. Hal ini kerana sesungguhnya Aku akan menjadikan dari kalangan mereka nabi dan rasul. Antara mereka juga ada para siddiqin, para syuhada, orang soleh, ahli ibadah, ahli zuhud, para wali, orang bertakwa, para muqarrabin, para ulama

yang mengamalkan ilmunya, orang yang khusyuk, dan orang yang cinta kepada Allah SWT lagi mengikuti jejak langkar para rasul-Nya.

Selain itu, kenyataan ini juga bersandarkan hujah dalam hadis sahih bahawa para malaikat itu apabila naik ke langit menghadap kepada Tuhan mereka seraya membawa amal umat manusia, lalu Allah SWT bertanya kepada mereka sedangkan Dia Maha Mengetahui hal ehwal manusia, “*Dalam keadaan apakah kamu tinggalkan hamba-Ku?*” Para malaikat menjawab, “*Kami datangi mereka dalam keadaan sedang solat, dan kami tinggalkan mereka dalam keadaan sedang solat.*” Hal ini berlaku demikian kerana mereka datang kepada manusia secara silih berganti dan mereka bertemu ketika umat Islam berkumpul dalam solat Subuh dan solat Asar. Malaikat yang turun untuk tinggal bersama manusia menggantikan malaikat yang naik membawa amal manusia. Kenyataan ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW dalam yang diriwayatkan oleh Sayidina Abu Musa RA (Muslim, t.th.: 179):

يُرْفَعُ إِلَيْهِ عَمَلُ اللَّيْلِ قَبْلَ النَّهَارِ، وَعَمَلُ النَّهَارِ قَبْلَ اللَّيْلِ.

Maksud: Dilaporkan kepada-Nya amal perbuatan malam hari sebelum siang hari, dan amal siang hari sebelum malam hari.

(Muslim)

Tegasnya, pada masa akan datang para malaikat sendiri akan menyaksikan sebahagian manusia tetap berada dalam ketaatan kepada Allah SWT dan tidak seperti yang mereka jangkakan.”

Khalifah Islam dan Hukumnya

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/221) dan Imam Al-Qurtubi (2003: 1/264) dan lain-lainnya menyimpulkan dalil ayat ini bahawa wajib mengangkat seorang khalifah untuk memutuskan perkara yang diperselisihkan

antara manusia, memutuskan persengketaan mereka, menolong orang yang teraniaya dari perlakuan sewenang-wenang orang yang zalim dari kalangan mereka. Selain itu, tujuan khalifah juga untuk menegakkan hukuman hudud, memperingatkan mereka dari perbuatan keji serta hal lain yang penting dan tidak dapat ditegakkan kecuali dengan adanya seorang imam. Hal ini berkait dengan kaedah bahawa sesuatu hal yang merupakan kesempurnaan bagi perkara yang wajib, maka hukum hal tersebut menjadi wajib pula. Perlantikan imam atau khalifah boleh dalam pelbagai cara seperti berikut:

- (1) Melalui nas seperti yang dikatakan oleh golongan ahli sunnah sebagaimana dengan perlantikan sahabat Abu Bakar RA.
- (2) Boleh juga perlantikan dengan cadangan orang ramai seperti yang dikatakan oleh golongan lain dari kalangan ahli sunnah.
- (3) Cadangan khalifah sebelumnya seperti yang dilakukan oleh sahabat Abu Bakar al-Siddiq terhadap sahabat Umar ibn al Khattab.
- (4) Diserahkan kepada permusyawaratan sejumlah orang yang soleh, seperti yang pernah dilakukan oleh Khalifah Umar
- (5) Kesepakatan *ahl al-hilli wa al-'aqdi* yang sepakat membaiahnya.
- (6) Pembaihahtan yang dilakukan oleh salah seorang dari *ahl al-hilli wa al-'aqdi* terhadap seseorang yang dibaiahnya.
- (7) Orang yang terkuat dalam kalangan orang banyak mengangkat dirinya secara paksa untuk ditaati, maka khalifah wajib diberikan kepadanya untuk menghindari perpecahan dan perselisihan. Pendapat ini dinaskan oleh Imam Syafii.

Bila terjadi dalam salah satu cara ini, maka menurut jumhur ulama wajib ditetapkan perlantikannya. Semua cara ini menurut Imam Haramain adalah sudah disepakati dalam kalangan para ulama.

Apakah wajib mempersaksikan perlantikan imam? Hal ini masih diperselisihkan. Antara ulama ada yang mengatakan tidak disyaratkan adanya kesaksian. Sedangkan pendapat yang lainnya mengatakan kesaksian merupakan syarat perlantikan namaun saksi tersebut cukup

dilakukan oleh dua orang saksi. Bagi al-Jiba'i, saksi harus dilakukan oleh empat orang selain dari orang yang mengangkat dan orang yang diangkatnya, seperti yang pernah dilakukan oleh Khalifah Umar RA. Sayidina 'Umar menyerahkan perlantikan khalifah kepada permusyawaratan antara enam orang. Yang terpilih menjadi pelantik ialah sahabat Abd al-Rahman ibn Awf, dan yang diangkatnya ialah sahabat Usman, sedangkan hukum wajib saksi empat orang disimpulkan dari empat orang dari daripada baki dalam jawatan kuasa perlantikan tersebut. Akan tetapi, pendapat ini masih perlu dipertimbangkan.

Seorang khalifah wajib laki-laki, merdeka, baligh, berakal, Muslim, adil, mujtahid, dapat melihat, semua anggota tubuhnya sihat, berpengalaman dalam masalah pertempuran dan memiliki pendapat; dan terdapat tambahan, iaitu daripada kalangan Quraisy menurut pendapat yang sah. Dalam hal ini tidak disyaratkan harus seorang Hasyimi, tidak pula orang yang terpelihara dari kekeliruan.

Seandainya imam berbuat fasik, apakah harus dipecat atau tidak? Masalah ini masih diperselisihkan. Tetapi menurut pendapat yang sah, ia tidak boleh dipecat kerana berdasarkan sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh dua Imam (Al-Bukhari, 2001: 7056; Muslim, t.th.: 1709):

إِلَّا أَنْ تَرَوْا كُفْرًا بَوَاحًا عِنْدَكُمْ مِنَ اللَّهِ فِيهِ بُرْهَانٌ.

Maksud: *Terkecuali jika kamu melihat kekufuran yang terang-terangan (dilakukannya) terhadap Allah SWT antara kamu, sedangkan hal itu ada buktinya.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Apakah seorang imam boleh mengundurkan diri? Masalah ini masih diperselisihkan. Namun terdapat peristiwa al-Hasan ibn Ali RA mengundurkan diri dan menyerahkan jabatannya kepada Mu'awiyah.

Akan tetapi, apa yang dilakukannya itu mempunyai alasannya beliau tersendiri, ternyata sikapnya itu terpuji.

Perlantikan dua orang imam dalam satu negeri atau lebih dari dua orang hukumnya tidak boleh menurut jumhur ulama kerana ada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Arfajah bin Surayh bahawa Nabi SAW bersabda (Al-Nasa’i, 1986: 4021):

فَمَنْ رَأَيْتُمُوهُ يُرِيدُ تَفْرِيقَ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ ﷺ وَهُمْ جَمِيعٌ،
فَأَقْتُلُوهُ كَأَنَّكَ مِنْ كَأَنَّ مِنَ النَّاسِ.

Maksud: *Barang siapa yang kamu lihat seseorang inginkan perpecahan dalam urusan umat Muhammad SAW sedangkan pada asalnya mereka bersatu, maka bunuhlah dia oleh kamu di mana pun ia berada.*

(Al-Nasa’i)

Manakala mazhab Karamiyah mengatakan, diperbolehkan mengangkat dua orang imam, bahkan lebih, seperti yang terjadi pada Ali dan Mu’awiyah kerana apabila diperbolehkan mengutus dua orang nabi dalam waktu yang sama dan bahkan lebih dari dua orang, begitulah juga hal imamah, kerana kenabian lebih tinggi kedudukannya daripada imamah tanpa ada yang memperselisihkan. Namun Imam al-Haramain meletakkan syarat wilayah antara kedua-dua imam tersebut adalah berjauhan dan kawasan kedua-duanya pula cukup luas. Kenyataan ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999) adalah mirip dengan keadaan para Khalifah Bani Abbas di Iraq, Khalifah Fatimiyyah di Mesir, serta Khalifah Umawiyah di Maghrib.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 31)

Maksud daripada perlantikan khalifah diperkukuhkan oleh Allah SWT dengan mengajar Nabi Adam AS dengan ilmu pengetahuan yang sesuai untuk tujuan Baginda AS diciptakan. Hal ini berdasarkan firman Allah-Nya:


 وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ
 فَقَالَ أَبِيعُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Maksud: *Dan Ia mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman, “Terangkanlah kepadaKu nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.” (31).*

Ayat ini menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/222) jelas terkandung keutamaan Adam AS ke atas para malaikat yang dikhususkan oleh Allah SWT baginya berupa ilmu tentang nama segala sesuatu, sedangkan para malaikat tidak mengetahuinya. Hal ini terjadi sesudah para malaikat diperintahkan untuk bersujud kepada Adam AS.

Mengajar segala sesuatu termasuklah nama para malaikat dan nama anak cucu Adam satu kelompok demi satu kelompok; semua zat, sifat, dan cirinya hingga nama angin yang keluar dari dubur, iaitu nama semua zat dan cirinya dalam bentuk yang terbesar atau terkecil. Kenyataan ini sebagaimana hadis yang menjelaskan ciri ini dalam hadis yang panjang yang boleh disimpulkan pada bahagian keterangan ini, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 4476; Muslim, t.th.: 193):

فَيَأْتُونَ آدَمَ فَيَقُولُونَ: أَنْتَ أَبُو النَّاسِ خَلَقَكَ اللَّهُ بِيَدِهِ،
 وَأَسْجَدَ لَكَ مَلَائِكَتُهُ، وَعَلَّمَكَ أَسْمَاءَ كُلِّ شَيْءٍ.

Maksud: *Lalu mereka mendatangi Adam dan berkata, “Engkau ialah bapak umat manusia, Allah SWT menjadikan kamu dengan tangan kekuasaan-Nya, dan Dia memerintahkan para malaikat-*

Nya agar bersujud kepadamu, dan Dia mengajarkan kepadamu nama segala sesuatu.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Seterusnya, firman Allah SWT yang bermaksud, “Kemudian ditunjukkannya kepada malaikat” menurut beberapa ahli tafsir dalam kalangan sahabat dan tabiin membawa maksud (Ibn Jarir, 2001: 1/523) “Terangkanlah kepada-Ku nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar” atau Allah SWT berfirman dengan takwil, “Sesungguhnya Aku tidak sekali-kali menciptakan makhluk melainkan kamu (para malaikat) lebih mengetahui daripada dia (Adam), maka sebutkanlah kepada-Ku nama semuanya itu jika memang kamu orang yang benar.

Akhir sekali tafsiran bagi potongan firman Allah SWT yang membawa maksud, “Jika kamu golongan yang benar” dijelaskan oleh Sayidina Ibn ‘Abbas dan golongan orang yang sependapat dengannya bahawa makna ayat ini boleh ditakwilkan seperti berikut:

Sebutkanlah kepada-Ku nama benda yang Aku kemukakan kepada kamu, wahai malaikat yang mengatakan, “Mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah? Apakah dari kalangan selain kami atau dari kalangan kami? Padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau.” Jika kamu memang orang yang benar dalam kata-katamu, “Jika Aku menjadikan khalifah-Ku di muka bumi dari kalangan selain kamu, nescaya dia durhaka kepada-Ku, begitu pula keturunannya, lalu mereka membuat kerosakan dan mengalirkan darah. Tetapi jika Aku menjadikan khalifah di muka bumi dari kalangan kamu, nescaya kamu taat kepada-Ku dan mengikuti semua perintah-Ku dengan mengagungkan dan menyucikan-Ku. Namun, apabila kamu tidak mengetahui nama mereka yang Aku ketengahkan kepada kamu dan kamu saksi sendiri, bererti terhadap semua hal yang belum ada dari hal yang akan ada hanya belum diwujudkan kamu lebih tidak mengetahui lagi.”

Tafsiran yang dibentangkan oleh Imam al-Tabari ini menyambungkan maksud keseluruhan ayat 30 hingga 31 surah *al-Baqarah* yang dibincangkan.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 32)

Suruhan Allah SWT dalam *al-Baqarah* (2: 31) kepada para malaikat dijawab oleh para malaikat dengan Allah SWT memetik kata-kata mereka berikut:


 قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

Maksud: Malaikat itu menjawab, “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (32).

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/225) menjelaskan bahawa petikan ayat ini sebenarnya menerangkan tentang sanjungan para malaikat kepada Allah SWT dengan menyucikan dan membersihkan-Nya dari semua pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang dari ilmu-Nya, bahawa hal itu tidak ada kecuali menurut apa yang dikehendaki-Nya. Dengan kata lain, tidaklah mereka mengetahui sesuatu pun kecuali apa yang diajarkan oleh Allah SWT kepada mereka. Oleh kerana itu, para malaikat berkata dalam jawabannya, “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” Hal ini membawa maksud, iaitu Yang Maha Mengetahui segala sesuatu, Yang Maha Bijaksana dalam ciptaan dan urusan-Mu

serta dalam mengajarkan segala sesuatu yang Engkau kehendaki serta mencegah segala sesuatu yang Engkau kehendaki, hanya Engkaulah yang memiliki kebijaksanaan dan keadilan yang sempurna dalam hal ini. Unsur takdis dalam kata-kata para malaikat adalah sebagaimana athar yang dikeluarkan oleh Imam (Ibn Abi Hatim, 1998: 343):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: قَالَ عُمَرُ لِعَلِيِّ وَأَصْحَابِهِ عِنْدَهُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ قَدْ عَرَفْنَاهُ، فَمَا سُبْحَانَ اللَّهِ؟ فَقَالَ لَهُ عَلِيٌّ: كَلِمَةٌ أَحَبَّهَا اللَّهُ لِنَفْسِهِ وَرَضِيهَا وَأَحَبَّ أَنْ تُقَالَ.

Maksud: *Sayidina Ibn 'Abbas menceritakan bahawa Sayidina 'Umar RA pernah bertanya kepada Ali RA, "Kalau makna kalimah Lailahaillallah kami ketahui, apakah makna subhanallah? Sayidina Ali RA menjawab, "Ia merupakan suatu kalimat yang disukai oleh Allah SWT buat diri-Nya, dan Dia reda serta suka bila diucapkan oleh seseorang."*

(Ibn Abu Hatim)

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 344) juga memetik kisah Fudail ibn Nadr ibn Addi ketika seorang lelaki bertanya kepada Maimun ibn Mihran tentang makna kalimat subhanallah. Lalu Maimun menjawab:

اسْمٌ يُعْظَمُ اللَّهُ بِهِ وَيُجَاشَى بِهِ مِنَ السُّوءِ.

Maksud: *Nama untuk mengagungkan Allah SWT dan menjauhkan-Nya dari semua keburukan.*


(Ibn Abu Hatim)

Ringkasnya para malaikat menjawab suruhan Allah SWT dengan cara yang sangat sopan dengan ucapan yang mengagungkan Allah SWT

serta menyucikannya. Hal ini amat sesuai dengan zat Allah SWT yang Maha Agung selaku Pencipta para makhluknya.

Tafsiran *al-Baqarah* (2: 33)

Kemampuan Nabi Adam AS untuk menjadi khalifah di bumi dibuktikan oleh Allah SWT dengan kemampuan ilmu yang diberikan oleh Allah SWT kepada baginda. Hal ini terjelus dalam firman-Nya:


 قَالَ يَتَّكِدُمْ أَنبِيَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنبَاهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ
 أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا
 تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

Maksud: Allah berfirman, “Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka.” Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah SWT berfirman, “Bukankah Aku katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?” (33).

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/225) menjelaskan tafsiran ayat ini dengan mengemukakan apa yang dikemukakan oleh Nabi Adam AS mengikut bebarapa padangan ahli tafsir dengan Adam menyebut semua nama, antara lain, “Kamu Jibril, kamu Mikail, dan kamu Israfil,” dan nama semua makhluk satu persatu hingga sampai pada nama burung seperti merpati dan burung gagak.

Seterusnya Imam Ibn Kathir menjelaskan tafsiran ayat dengan memetik kata-kata Sayidina Qatadah bahawa setelah keutamaan Adam AS dilihat dengan jelas oleh para malaikat melalui kemampuan Nabi Adam AS menyebutkan nama segala sesuatu yang diajarkan oleh Allah SWT kepadanya. Sedangkan para malaikat tidak mengetahuinya apa yang disebutkan oleh Nabi Adam. Lalu Allah SWT berfirman kepada para malaikat, “Bukankah Aku katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?” (Surah *al-Baqarah*, 2: 33). Ringkasnya Allah SWT ingin maksudkan “Bukankah Aku sudah menjelaskan kepada kamu bahawa Aku mengetahui perkara yang ghaib, iaitu yang zahir dan yang tersembunyi. Makna ayat selaras dengan firman Allah SWT ini:

وَإِنْ تَجَهَّرَ بِالْقَوْلِ فَإِنَّهُ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى ﴿٧﴾

Dan jika kamu mengeraskan ucapanmu, maka sesungguhnya Dia mengetahui rahsia dan yang lebih tersembunyi.

(Surah *Taha*, 20: 7)

Sama juga dengan firman-Nya yang menceritakan perihal burung Hud-Hud di saat ia berkata kepada Nabi Sulaiman, iaitu:

أَلَا يَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي يُخْرِجُ الْخَبَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾

Maksud: *Agar mereka tidak menyembah Allah SWT Yang mengeluarkan apa yang terpendam di langit dan di bumi dan yang mengetahui*

apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan. Allah, tiada Tuhan Yang disembah kecuali Dia, Tuhan yang mempunyai 'Arasy yang besar.

(Surah *al-Naml*, 27: 25-26)

Imam Ibn Jarir (2001: 1/482) dan Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/226) menjelaskan firman Allah SWT, “*Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan*” (*al-Baqarah*, 2: 33) sebagai apa yang dilahirkan adalah persoalan “*Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji dan mensucikan-Mu?*” Sedangkan apa yang disembunyikan pula ialah merujuk iblis yang menyimpan dalam hatinya berupa sifat takabur atau merujuk kepada kata-kata malaikat, “*Tidak sekali-kali Tuhan kita menciptakan suatu makhluk kecuali kita lebih alim dan lebih mulia daripadanya.*” Namun akhirnya mereka mengetahui bahawa Allah SWT mengutamakan Adam di atas diri mereka dalam hal ilmu dan kemuliaan. Imam Ibn Jarir (2001: 1/530) menyambung kenyataan beliau dengan menceritakan kisah para malaikat dan Adam yang dikemukakan oleh Abd al-Rahman ibn Zaid ibn Aslam:

Allah SWT berfirman kepada para malaikat, “Sebagaimana kamu tidak mengetahui nama benda ini, maka kamu pun tidak mempunyai ilmu. Sesungguhnya Aku hanya bermaksud menjadikan mereka agar membuat kerosakan di bumi, dan hal ini sudah Kuketahui dan berada dalam pengetahuan-Ku. Akan tetapi, Aku pun menyembunyikan dari kamu suatu hal, iaitu bahawa Aku hendak menjadikan di bumi itu orang yang durhaka kepada-Ku dan orang yang taat kepada-Ku. Hal ini sebagaimana pengakuan Allah SWT dalam firman-Nya:

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنْ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٦﴾

Erti: “Sesungguhnya akan Aku penuhi neraka Jahannam itu dengan jin dan manusia bersama-sama.” (Surah al-Sajdah, 32: 13 dan Surah Hud, 11: 119).

Sedangkan para malaikat belum mengetahui dan belum mengerti hal ini. Ketika mereka melihat apa yang dianugerahkan Allah SWT kepada Adam berupa ilmu, akhirnya mereka mengakui kelebihan Adam atas diri mereka.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/226-227) menyimpulkan tafsiran ayat ini ini dengan menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dalam firman Allah SWT, “*Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan*” (*al-Baqarah*, 2: 33) membawa maksud,

“Aku, di samping pengetahuan-Ku tentang hal yang ghaib di langit dan di bumi, mengetahui apa yang kamu lahirkan melalui lisan kamu dan apa yang kamu sembunyikan dalam diri kamu. Maka tiada sesuatu pun yang tersembunyi bagi-Ku. Rahsia dan apa yang dizahirkan oleh kamu bagi-Ku sama saja, tidak ada bezanya, semuanya Aku ketahui.”

Hal yang mereka lahirkan melalui lisan mereka ialah ucapan para Malaikat tentang penciptaan Adam yang akan membawa kerosakan sedangkan apa yang disembunyikan oleh Allah SWT pula ialah Iblis yang pada asalnya adalah dari kalangan malaikat, tetapi akhirnya menentang Allah SWT dalam perintah-Nya dan bersikap takbur, tidak mau taat kepada-Nya.

PENGAJARAN AYAT

Pengajaran buat umat manusia bersama sama ada Muslim dan non-Muslim:

- (1) Umat manusia wajar mengambil pengajaran daripada perancangan Allah SWT yang rapi tentang penciptaan Adam AS yang merupakan bapa bagi umat manusia di bumi dari segi:
 - (a) Matlamat khalifah, iaitu pemerintah yang menjadi wakil Allah SWT di bumi dan menjadi makhluk yang paling utama untuk menggantikan makhluk yang belum wujud atau sudah wujud di bumi.
 - (b) Bumi sudah disediakan untuk dihuni oleh Nabi Adam AS dan zuriatnya. Hal ini menunjukkan sekalipun Nabi Adam diciptakan dan dimasukkan ke syurga, tetapi syurga itu adalah distinasi terakhir dan bukan distinasi awal.
 - (c) Sifat manusia yang akan diwujudkan tersebut mempunyai ciri suka membuat bencana dan bunuh-membunuh.
 - (d) Dibekalkan dengan pengetahuan yang sempurna semua nama benda yang ada di bumi dan kegunaannya yang tidak diberikan kepada makhluk Allah SWT yang lain. Unsur akal yang boleh menerima pengetahuan untuk menanggapi dan digunakan untuk kebaikan kehidupan bagi memajukan diri.

- (2) Berdasarkan ciri penciptaan Adam AS ini, umat manusia boleh mengambil pengajaran tentang maksud sebenar manusia dilahirkan ke dunia dengan memikul tanggungjawab yang besar sebagai khalifah, iaitu:
 - (a) Manusia menjadi wakil Allah SWT dalam menguruskan bumi tempat manusia ditempatkan. Makna ini sebenarnya yang dimaksudkan sebagai khalifah. Oleh itu, manusia yang diwakilkan perlu mengurus mengikut siapa yang mewakilkannya daripada segi kehendak dan keinginan.
 - (b) Keturunan manusia akan silih berganti dan tidak akan kembali semula dalam menguruskan bumi ini. Semua manusia yang

dilahirkan diberi kesempatan untuk memenuhi tujuan mereka didatangkan ke dunia ini di samping tugas sampingan mereka untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka. Setiap tindakan manusia di dunia akan diperhatikan oleh Allah SWT untuk dibalasi.

- (c) Menjadi wakil Allah SWT sama ada yang menjadi nabi dan rasul yang dipilih. Antara mereka juga ada para siddiqin, para syuhada, orang soleh, ahli ibadah, ahli zuhud, para wali, orang bertakwa, para muqarrabin, para ulama yang mengamalkan ilmunya, orang yang khusyuk, dan orang yang cinta kepada Allah SWT lagi mengikuti jejak langkar para rasul-Nya. Semua kategori ini merupakan golongan orang yang soleh dan menjadi penghuni syurga, iaitu selepas berjaya memenuhi matlamat sebenar maksud penciptaan manusia.
 - (d) Ada dalam kalangan manusia ini menjadi khalifah tertinggi umat manusia seperti sultan dunia, negara, negeri, daerah, bandar, rumah, dan diri mereka sendiri. Pada kedudukan mana manusia ditempatkan, mereka dituntut untuk taat kepada Allah SWT dan memerintah dengan adil kepada orang yang di bawah mereka, mengelakkan diri daripada membuat kerosakan, dan menumpahkan darah. Sekalipun sifat membuat kerosakan dan menumpahkan darah tersebut merupakan ciri manusia diwujudkan.
- (3) Penciptaan manusia berbeza dengan ciptaan Allah SWT yang lain kerana umat manusia diuji untuk duduk di dunia yang terdapat cabaran di bumi dari segi:
- (i) Manusia yang duduk di dunia perlukan ilmu pengetahuan yang mereka pelajari. Sebagaimana Allah SWT mengajar Adam AS tentang semua perkara dan nama serta cara penggunaan, maka manusia yang lahir secara silih berganti juga perlu belajar

dengan pengetahuan yang pelbagai untuk mereka hidup dengan baik di dunia.

- (ii) Bumi tempat manusia ditempatkan merupakan merupakan bumi yang pada dasarnya berperaturan dengan peraturan hukum adat atau dipanggil tabie. Peraturan ini amat berbeza dengan peraturan dalam dalam kerajaan Allah SWT yang sebenar yang tidak sesukar ketika berada di bumi. Oleh kerana itu, syariat yang diturunkan kepada umat manusia juga menetapi ketetapan hukum tabie tersebut sebagai satu ujian untuk manusia mengikutnya dengan baik.
 - (iii) Allah SWT sudah merancang bumi sebagai tempat untuk menilai amalan manusia dengan diberikan ujian berbentuk ciri manusia yang mempunyai nafsu keinginan sehingga suka untuk membuat kerosakan, hasad dan dengki, serta saling bunuh membunuh. Ujian ini ditambah pula dengan perancangan Allah SWT untuk menjadikan Iblis dan syaitan yang mempunyai sifat takbur dan bongkak sebagai musuh manusia bagi menyesatkan manusia ketika mereka hidup dan berada di bumi.
- (4) Kewujudan Malaikat, iaitu antara makhluk terawal yang diciptakan oleh Allah SWT sebelum diciptakan Iblis, syaitan, dan jin dan akhir sekali manusia. Malaikat ini dijadikan oleh Allah SWT dengan ciri sentiasa dalam keadaan bersolat dan berzikir kepada Allah SWT, tidak pernah ada keinginan untuk melakukan kemaksiatan. Sebahagian malaikat bertugas untuk pekerjaan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka seperti memerhati dan mencatat amalan manusia secara bergilir-gilir. Umat manusia boleh mengambil pengajaran daripada penciptaan para malaikat dari segi:
- (a) Wujudnya makhluk ghaib yang beribadah dan bertugas untuk Allah SWT sama-mata. Sentiasa taat dan memuliakan-Nya

selaku Tuhan yang Mencipta. Kewujudan malaikat sebagai satu lambang penting bahawa terdapat makhluk Allah SWT yang wujud dalam bentuk yang bukan tabie seperti manusia. Jika malaikat seperti ini boleh wujud, maka manusia juga akan boleh berada dalam alam ghaib yang berbeza kehidupan dengan alam dunia selepas mereka mati. Ketika kehidupan baru tersebut manusia akan menerima pembalasan baik atau diseksa dalam bentuk yang tidak boleh ditanggap oleh manusia yang hidup di dunia sebagaimana yang mereka dijanjikan.

- (b) Malaikat tidak seperti manusia yang duduk dalam kerajaan Allah SWT khususnya di langit. Mereka boleh nampak kerajaan langit dan kekuasaannya, bahkan boleh berkomunikasi dengan Allah SWT ketika Allah SWT izinkan. Disebabkan itu, para malaikat sentiasa yakin dan percaya dan beriman sepenuhnya kepada Allah SWT. Sedangkan manusia pula duduk dalam alam yang dilindungi daripada dapat melihat perkara ghaib tersebut. Manusia mendapat pengetahuan dan maklumat tentang alam ghaib hanya daripada sumber Kitab yang diturunkan dan Rasul yang diutuskan. Tujuan ditutupkan daripada melihat perkara ghaib tersebut adalah sebagai satu ujian kepada umat manusia untuk mereka mampu beriman atau tidak kepada Allah SWT terhadap Kitab dan Rasul yang diutuskan tersebut. Oleh kerana itu, manusia yang mampu beriman dengan hanya bersumberkan daripada Kitab dan Rasul tersebut, mereka layak untuk diberikan kemuliaan melebihi daripada para Malaikat yang sentiasa beribadah dan mentaati Allah SWT.
- (c) Manusia wajar menyedari bahawa setiap waktu pagi dan petang, Allah SWT sentiasa mengiriskan malaikat yang mencatat setiap amalan manusia dengan keadaan setiap malaikat yang datang kepada manusia dan pergi, mereka tidak akan kembali lagi kepada manusia. Oleh kerana itu, manusia perlu tunjukkan

amal yang terbaik bagi membuktikan bahawa apa yang dipercayai oleh malaikat bahawa sifat manusia yang suka melakukan kerosakan dan menumpahkan darah adalah tidak benar.

(5) Umat Islam diajarkan oleh Allah SWT untuk membentuk sistem khilafah dengan ciri yang berikut:

- (a) Wajib melantik seorang ketua sama ada peringkat dunia yang dipanggil 'Khalifah' atau negara atau negeri yang dipanggil sultan atau apa sahaja gelaran yang sesuai sebagai ketua negera atau negeri.
- (b) Pemerintah yang dilantik pula perlu menjalankan tanggungjawab dengan memastikan kakitangan kerajaan untuk:
 - (i) Memutuskan perkara yang diperselisihkan antara manusia.
 - (ii) Memutuskan persengketaan mereka.
 - (iii) Menolong orang yang teraniaya dari perlakuan orang yang zalim dari kalangan manusia.
 - (iv) Menegakkan hukuman hudud, dan menguatkuasakan undang-undang, serta memperingatkan mereka untuk menjauhi dari perbuatan keji serta mengamalkan perintah agama yang berbentuk syiar Islam.
- (c) Perlantikan khalifah boleh dilakukan dengan pelbagai cara antaranya:
 - (i) Perlantikan dengan persetujuan dan cadangan orang ramai.
 - (ii) Cadangan daripada penguasa sebelumnya.
 - (iii) Melalui permusyawaratan sejumlah orang yang soleh.
 - (iv) Kesepakatan *ahl al-hilli wa al-'aqdi* yang sepakat membaiahnya.
 - (v) Baiah daripada salah seorang dari *ahl al-hilli wa al-'aqdi*.

- (vi) Orang yang soleh dan kuat daya kepimpinan dalam kalangan orang ramai yang mampu mengangkat dirinya secara kekuatan fizikal dan ketenteraan.
- (d) Syarat untuk perlantikan khalifah umum mestilah wajib daripada golongan:
- (a) Laki-laki
 - (b) Merdeka
 - (c) Baligh
 - (d) Berakal
 - (e) Muslim
 - (f) Adil
 - (g) Mujtahid
 - (h) Tidak buta
 - (i) Sihat tubuh badannya
 - (j) Berpengalaman dalam peperangan
 - (k) Pintar
 - (l) Jika ada, orang itu terdiri daripada kalangan Quraisy.
- (e) Seorang ketua negara atau negeri Muslim yang melakukan amalan golongan fasik tetapi masih tidak menunjukkan dirinya sebagai murtad tidak harus diturunkan.
- (f) Tidak boleh terdapat dua ketua dalam satu negeri atau negara melainkan jika sesebuah negara itu terlalu luas.

Semoga umat manusia dalam kalangan Muslim dan non Muslim dapat mengambil pengajaran daripada huraian tafsiran yang dibincangkan. Sekian. Wassalam.

RUJUKAN

- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2009. *Al-Asma' wa al-Sifat li al-Bayhaqi*. 'Abdullah bin Muhammad Al-Hashidi (Ed.). Jld. 1-2. Jedah, Saudi Arabia: Maktabah al-Sawadi.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahahain*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Hasan al-Basri, Yasar. t.th. *Fada'il Makah wa al-Sukn fiha*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Al-Nasa'i, Ahmad Shu'aib. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.

- Ibn Abi Hatim, ‘Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim li bin Abi Hatim*. As‘ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A‘zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*. ‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Hakikat Penciptaan Manusia dan Alam: Al-Baqarah (2: 28-29)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 20hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 27hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.